

AKHBAR : KOSMO AHAD  
MUKA SURAT : 10  
RUANGAN : NEGARA

10 **Negara!**

Kosmo! Ahad 28 JULAI 2024

Kerajaan digesa perkasa tenaga kerja kesihatan, rakyat elak situasi kelim kabut

## Siap sedia hadapi pandemik baharu

Oleh MOHD. HUSNI MOHD. NOOR

**PUTRAJAYA** – Kerajaan digesa memperkasakan segera konsep *whole-of government* dan *whole-of-society* bagi mempersiapkan negara berdepan sebarang episod krisis kesihatan pada masa akan datang.

Bekas Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr. Noor Hisham Abdullah berkata, langkah itu penting bagi mengelak kerajaan berada dalam keadaan kelim kabut jika berdepan situasi sama seperti pandemik Covid-19 sebelum ini.

Menurutnya, Majlis Keselamatan Negara (MKN) dan pihak berkaitan perlu segera memperkasakan konsep berkenaan sebagai persiapan kepada seluruh tenaga kerja kesihatan, barisan hadapan dan rakyat.

"Sekarang ini, Covid-19 sudah berlalu sekitar tiga ke empat tahun lalu dan mungkin orang sudah lupa pasal pandemik ini. Tapi kalau kita lupa, sejarah akan berulang lagi.

"Jangan kalau ada pandemik baru kita nak kelim kabut. Sepatutnya kita kena sediakan paung sebelum hujan (persiapan).

"Kita kena perkasakan sekarang dan bukannya semasa ke-



**MALAYSIA** antara negara yang dilanda pandemik Covid-19 sehingga menyebabkan ramai individu kehilangan ahli keluarga dan pekerjaan. – GAMBAR HIASAN

cemasan baru kita nak panggil mesyuarat, konsep ini perlu dikedengahkan dengan kerjasama kementerian-kementerian lain,"

katanya pada majlis pelancaran Rufayda Academy di sini semalam.

Pendekatan *whole-of gov-*

*ernment* dan *whole-of-society* merujuk kepada usaha mengoptimalkan seluruh tenaga kerja kesihatan dan peranan barisan



**NOOR HISHAM**

hadapan serta peranan seluruh rakyat untuk turut membantu memutuskan rantaian pandemik.

Menurutnya, tugas memerangi pandemik bukan hanya tanggungjawab Kementerian Kesihatan (KKM), sebaliknya membabitkan pelbagai kementerian lain, namun persoalan kini adakah kita cukup siap siaga melawan penyakit berjangkit pada masa akan datang.

"Masalahnya bukan dia (pandemik) tidak akan datang, dia akan datang tapi kita tidak tahu bila.

"Justeru, kita perlu pastikan siap siaga daripada sudut sistem kesihatan negara bagi menangani penyakit berjangkit ini," katanya.

AKHBAR : SINAR AHAD  
MUKA SURAT : 31  
RUANGAN : NASIONAL

## Kuala Muda catat kematian tertinggi kes denggi di Kedah

**SUNGAI PETANI** - Daerah Kuala Muda setakat ini mencatatkan kematian tertinggi kes denggi di Kedah berbanding lapan kes keseluruhan di negeri itu.

Menteri Besar, Datuk Seri Muhammad Sanusi Md Nor berkata, peningkatan kes secara drastik mendatangkan kebingungan dan perlu diberi perhatian serius.

"Pada 2022, Kedah catat 1,461 kes dengan dua kematian manakala pada 2023, bilangan kes meningkat kepada 5,207 dengan sembilan kematian.

"Pada 2024 pula, bilangan kes direkodkan sehingga 20 Julai lalu sebanyak 3,337 kes berbanding 3,249 kes untuk tempoh

sama pada 2023, naik 88 kes atau 2.7 peratus untuk tahun ini iaitu sebanyak lapan kematian akibat demam denggi direkodkan di Kedah berbanding tujuh kematian dalam tempoh sama pada tahun lalu," katanya.

Beliau berkata demikian ketika merasmikan Program Gotong Royong Perdana dan Mega Perangi Aedes di Padang Awam Taman Ria di sini pada Sabtu.

Justeru, beliau berkata, kebersihan perlu ditingkatkan selain kerjasama dengan agensi berkaitan amat penting memandangkan penduduk di Kuala Muda mencecah lebih 600,000 orang.



Muhammad Sanusi (empat dari kanan) ketika merasmikan Program Gotong Royong Perdana dan Mega Perangi Aedes di Padang Awam Taman Ria Sungai Petani pada Sabtu.

"Ini kerana sikap tidak menjaga kebersihan akan menjejaskan orang lain sama ada dari segi kesihatan, pemandangan dan

sebagainya, apa lagi jika boleh mendatangkan bahaya sehingga menyebabkan kematian.

"Satu perkara lagi yang tidak

kurang penting dalam kehidupan kita adalah menghidupkan budaya gotong-royong dalam setiap kejiranan," katanya.

AKHBAR : SUNDAY STAR  
MUKA SURAT : 7  
RUANGAN : NATION

## Concern over spike in illegal psychiatric nursing homes

By WANI MUTHIAH  
wani@thestar.com.my

**KLANG:** Illegal psychiatric nursing homes are apparently sprouting in Selangor, causing concern for a mental health organisation.

Selangor Mental Health Association (SMHA) president Datuk Dr Andrew Mohanraj expressed alarm over the phenomenon, noting that while these centres aim to address the unmet needs of families seeking psychosocial support for their wards, many fail to meet the standards required by the relevant authorities.

"Some of these centres do not comply with the required practising standards. SMHA urges those wanting to register psychiatric nursing homes in the state to comply with the requirements set by the Health Ministry's Private Medical Practice Control Section (CKAPS)," said Dr Mohanraj.

He also cautioned the public to be discerning when selecting care facilities for their loved ones, citing reports of abuse and mistreatment in some unregulated centres.

"SMHA is also concerned over allegations of human rights violations at many of these unregistered

and improperly registered centres in Selangor," said Dr Mohanraj.

In a notable case, a Bangladeshi cook at a psychiatric nursing home in Bukit Beruntung, Rawang, was charged in January last year with the murder of a resident, with the crime occurring in December 2022.

SMHA secretary-general Mohan Chitran said that currently, only one psychiatric nursing home in Selangor is officially registered, located in Petaling Jaya.

According to the regulations, psychiatric nursing homes must be registered under CKAPS, whereas most facilities offering psychiatric care are registered as

general care homes with the Welfare Department.

"It is acceptable for care homes dealing with physical disabilities, children and the elderly to be registered under the Welfare Department, but facilities caring for individuals with mental illnesses must be under CKAPS," explained Mohan.

This is because unlike other physical disabilities and illnesses, which can be handled by anyone capable of caring for another person, trained professionals in psychiatric care are the only ones who can look after people with mental disabilities.

Mohan also urged CKAPS to

reconsider some of the stringent physical requirements for registering psychiatric nursing homes, such as specifications for room size, bathrooms, beds and even doors.

He argued that these requirements make it difficult and costly to establish legitimate facilities, leading to the proliferation of sub-standard alternatives.

"Most centres struggle to meet these physical requirements. Hopefully, the government will make the necessary adjustments to enable the establishment of more legitimate, professionally managed and affordable psychiatric nursing homes," he said.